

Siti Nurhaliza nyanyi lagu OST filem Anwar

Mesej kesetiaan,
pengorbanan
seorang isteri
menyentuh
perasaan

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatm.farhana@bh.com.my

Mesej cinta, kesetiaan dan pengorbanan wanita cukup menyentuh perasaan penyanyi terkenal, Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Lantas, lamaran produser dan pengarah filem *Anwar: The Untold Story* mendendangkan lagu runut bunyi (OST) berjudul *Menjaga Cintamu* ciptaan Andi Rianto dan lirik oleh Sekar Ayu Asmara tidak sesekali dilepaskan.

Lebih manis, impian Siti bekerjasama dengan komposer terkenal Indonesia, Andi menerusi lagu *Menjaga Cintamu* tercapai.

Siti berkata, walaupun menyanyikan lagu *OST filem Anwar: The Untold Story*, tetapi karya ini menggambarkan kesetiaan dan pengorbanan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

“Saya terima tawaran menyanyikan lagu *Menjaga Cintamu* kerana yakin dengan kekuatan lagu ini. Ia bukan hanya gambaran kesetiaan Dr Wan Azizah, tetapi secara amnya, untuk wanita yang setia mencintai pasangan.

“Saya amat tertarik dengan mesej dalam lagu ini. Saya faham lirik lagu *Menjaga Cintamu* ini lebih kepada pengorbanan seorang isteri dan cinta yang tiada tolok bandingan.

“Secara kebetulan, saya da-

lam tempoh menerbitkan album baharu,” katanya kepada *HIP*.

Tambah Siti, dia juga sudah lama mahu bekerjasama dan menyanyikan karya ciptaan komposer hebat sebarang, Andi.

“Sejujurnya, saya sudah lama menyimpan hasrat bekerjasama dan menyanyikan lagu ciptaan Andi. Jadi, peluang ini bagaikan pucuk dicita ulam mendatang dan sangat bermakna.

“Saya berterima kasih kepada Penerbit Eksekutif, Zukiflee Anwar Haque atau Zunar dan pengarah dari Indonesia, Viva Westi kerana memberikan kepercayaan kepada saya menyanyikan lagu *Menjaga Cintamu*.

“Saya adalah penyanyi dan tugas saya memang menyanyi. Pada masa sama, saya juga memiliki peminat di Indonesia.



Siti bersama Zunar dan Viva Westi ketika penggambaran video muzik.

- Ia menampilkan pelakon Malaysia dan Indonesia seperti Farid Kamil yang memegang watak utama sebagai Anwar, Hasnul Rahmat (Tun Dr Mahathir) dengan dibantu pelakon Indonesia seperti Acha Septriasa (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail), Saskia Chadwick (Nurul Izzah), Dewi Irawan (Che Yan - ibu Anwar), Piet Pagau (Ibrahim - bapa Anwar), Felice Lovely Hidayat (Nurul Iman) dan Azzahra Annasera (Nurul Hana) dan ramai lagi.
- Selain Malaysia, filem terbitan Bianglala Entertainment itu turut menjalani penggambaran di Indonesia.